

# Martabatkan Bahasa Melayu

► Saranan kepada generasi muda untuk diwarisi turun temurun

Oleh YAP SIONG HAN

**KOTA KINABALU:** Semua pihak khususnya generasi muda diminta untuk bersama-sama memainkan peranan dalam usaha memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu.

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia Datin Paduka Ir Dr Hamisah Tapsir berkata, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan perlu dituturkan dengan tepat bagi memastikan keaslian bahasa itu terus terpelihara dan diwarisi turun temurun.

“Pada masa kini, banyak kali kita mendengar Bahasa Melayu dituturkan bercampur aduk dengan Bahasa Inggeris.

“Malah ada yang mengatakan setiap perkataan Bahasa Inggeris boleh ‘dimelayukan’ apabila

menambah huruf ‘i’ di belakang sesuatu perkataan itu. Sebenarnya, Bahasa Melayu tidak semudah itu,” katanya ketika merasmikan Majlis Penutupan Bulan Bahasa Kebangsaan dan Bulan Keusahawanan Siswa 2018 Universiti Malaysia

Sabah (UMS) di Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS.

Beliau turut menyarankan agar siswa-siswi membaca Hikayat Malim Deman untuk melihat tulisan dan penggunaan bahasa dalam buku kesusasteraan Melayu itu.



HAMISAH (tengah) merakamkan gambar kenangan bersama MPP UMS. Turut kelihatan Kamarudin (tiga kanan), Ismail (tiga kiri) dan No'man (kiri).

“Kalau bukan kita, siapa lagi yang akan memartabatkan Bahasa Melayu?” katanya. Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor UMS

“Malah ada yang mengatakan setiap perkataan Bahasa Inggeris boleh ‘dimelayukan’ apabila menambah huruf ‘i’ di belakang sesuatu perkataan itu. Sebenarnya, Bahasa Melayu tidak semudah itu”

## DATIN PADUKA IR DR HAMISAH TAPSIR

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia

Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Dr Ismail Ali, Pendaftar UMS No'man Haji Ahmad, pegawai-pegawai kanan universiti serta barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Terdahulu, Kamarudin dalam ucapan aluannya berkata, kesedaran mengenai

pentingnya menerapkan semangat cintakan bahasa kebangsaan perlu dipupuk dalam kalangan semua peringkat usia dan semua kaum.

Katanya, walaupun Bahasa Inggeris adalah bahasa global, Bahasa Melayu tidak wajar dipinggirkan kerana bahasa kebangsaan sesebuah negara menggambarkan identiti negara yang harus didaulat

dan diperkasakan.

“Saya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan pada tahun ini.

“Semoga kita menanamkan semangat patriotik dan Sayangi Malaysiaku walau di mana sahaja kita berada,” katanya.

Pada Majlis itu, Hamisah turut menyempurnakan perasmian ‘Speaker Corner’ di Anjung Siswa UMS.

Beliau turut menyampaikan watakah pelantikan kepada barisan MPP UMS bagi sesi 2018/2019 serta menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para pemenang pertandingan yang diadakan sepanjang Bulan Bahasa Kebangsaan dan Bulan Keusahawanan Siswa 2018.



HAMISAH (tiga kanan) memotong riben sebagai simbolik perasmian Speaker Corner UMS sambil diperhatikan Kamarudin (dua kanan), Ismail (tiga kiri) dan No'man (dua kiri).